

Cabaran dalam Proses Kutipan Data Kaedah Kualitatif Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pandemik Covid-19

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk memahami dan menerangkan mengenai cabaran atau kesukaran yang berlaku dalam proses mengutip data bagi kajian yang menggunakan kaedah kualitatif ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berjalan disebabkan oleh pandemik Covid-19 di Malaysia. Sama ada kaedah kuantitatif mahupun kualitatif, kedua-duanya memerlukan data yang bersifat tulen, lengkap dan berkualiti. Untuk tujuan tersebut, maka proses pengutipan data memerlukan tatacara kutipan data dilakukan dengan berhati-hati dan pada masa yang sama mengikut prosedur terbaik. Kajian ini telah memilih satu entiti syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan satu entiti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai kajian kes untuk mencapai objektif kajian. Dapatkan kajian mendapat terdapat isu dan cabaran yang agak berbeza dalam proses kutipan data melibatkan GLC dan NGO dalam konteks kajian menggunakan kaedah kualitatif. Entiti NGO didapati lebih terbuka dan bekerja sama berbanding entiti GLC dalam proses tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa data yang dikutip daripada NGO adalah lebih komprehensif dan berkualiti berbanding dengan GLC. Ini menunjukkan bahawa, terdapat banyak isu dan cabaran yang dihadapi dalam proses mengumpul data daripada GLC berbanding daripada NGO ketika PKP Covid-19 di Malaysia.